

# KATA PANGGILAN DALAM MASYARAKAT MELAYU: ANALISIS SOSIOLINGUISTIK DAN PRAGMATIK

*Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi,  
Maslida Yusof*

## Abstrak

Makalah ini membincangkan kata panggilan dalam kalangan adik-beradik dan generasi yang lebih tua dalam keluarga Melayu. Pemodenan masyarakat menimbulkan kesan terhadap penggunaan kata panggilan keluarga. Panggilan seperti *uncle/auntie, grandpa/grandma*, telah mula menyusup ke dalam sistem panggilan itu sendiri dan lama kelamaan akan menghakis penggunaan kata panggilan itu sendiri, yang nyatanya memang hanya wujud dalam bahasa Melayu dan tidak pada bahasa lain. Penulis menerapkan pendekatan sosiolinguistik, semantik, dan pragmatik. Selain data statistik yang menunjukkan bagaimana pemodenan dan pemboleh ubah sosial berinteraksi dan mempengaruhi sistem panggilan, analisis sosiolinguistik turut diberikan. Pada bahagian inilah, kesan pemodenan pada sistem telah dihuraikan.

## Abstract

*This article discusses the expression of respects (the birth rank or the baby names) among the siblings and the older generation in the Malay family. Modernization that surrounds the Malay society seems to have an impact in the use of these expressions. The expressions uncles/aunties, grandpa/grandma have been creeping in the Malay expression of respects. This will eventually erode the usage of the expression of respects system, which is unique to the Malay language that never occurs in any other languages. The authors adopt a multianalysis approach such as sociolinguistics, semantics and pragmatics. Apart from the statistic displays that show how modernization and the social variables interact and influence the system, a sociolinguistics analysis is also given. This is the part where the impact of modernization is comprehensively described.*

## PENDAHULUAN

Bahasa Melayu mempunyai sistem panggilan yang rencam yang mengelirukan pengguna bahasa. Kekeliruan ini menjadi lebih kompleks apabila melibatkan penutur bukan Melayu dengan latar belakang bahasa dan budaya yang agak berlainan daripada masyarakat Melayu. 'Bahasa Jiwa Bangsa' mempunyai makna linguistik dan bukan linguistik. Makna bukan linguistik yang dapat dipelajari daripada kehidupan sehari-hari inilah yang tidak dapat dihayati oleh pengguna bukan natif bahasa Melayu. Implikasi daripada salah guna bahasa akan memasukkan pengguna tersebut ke dalam golongan 'kurang sopan' atau 'tak tahu bahasa' kerana penggunaan ganti nama sangat dipengaruhi oleh faktor budaya.

Selain ganti nama Melayu, bahasa Melayu mempunyai kata panggilan. Kata panggilan dibahagi kepada dua, iaitu kata panggilan umum dan kata panggilan keluarga. Yang membezakan kata panggilan dengan ganti nama ialah penggunaan yang berbeza mengikut konteks dan latar belakang sosial bagi orang yang menggunakannya. Suasana formal dan tak formal, status dan usia adalah antara faktor penentu dalam penggunaan kata panggilan. Kata panggilan umum sejenis kata panggilan yang digunakan oleh masyarakat umum. Contohnya, *abang, kakak, tuan, mak cik, adik*, dan sebagainya.

Kata panggilan dalam keluarga merupakan nama yang diberikan kepada individu berdasarkan kedudukannya dalam keluarga. Kata panggilan ini mampu memberikan kedudukan dalam keluarga individu yang dipanggil itu kepada pendengar. Kata panggilan dalam keluarga turut memberikan maklumat mengenai jantina dan generasi ke beberapa individu tersebut. Contoh, *long, ngah, uda, chik, andak, tam, ateh, alang*, dan *usu*.

Banyak kajian yang pernah dilakukan terhadap ganti nama Melayu dan kata sapaan dan kata panggilan. Antaranya Nik Safiah Karim (1985), J.T. Collins (1985), Sumalee (1994), Nor Hashimah Jalaluddin (1992, 1995). Kesemua kajian ini lebih tertumpu kepada ganti nama diri dan kata panggilan umum. Hanya satu kajian yang menyentuh kata panggilan keluarga, yang dibuat oleh C.C. Brown (1921). Brown mengkajinya di Perak. Di Perak kata panggilan keluarga selalunya didaftarkan bersama-sama nama individu umpamanya Yop Ahmad, Itam Shaari, Yong Aminah dan sebagainya.

Kajian ganti nama dan kata panggilan boleh dibahagikan kepada kajian sosiolinguistik, perbandingan dan kajian semantik dan pragmatik. Kajian oleh James T. Collins (1982), Nik Safiah Karim (1992) boleh dimasukkan ke dalam golongan sosiolinguistik. Collins mengkaji wacana perbualan yang melibatkan penggunaan kata panggilan dalam empat suasana yang berbeza,

iaitu rakaman perbualan antara kawan setara, jiran setara, kawan tidak setara dan jiran tidak setara. Collins mendapati adanya perselisihan kata sapaan antara penutur dengan pemilihan kata sapaan ini berkaitan dengan suasana wacana. Analisis mendapati faktor usia merupakan faktor penting dalam membuat pemilihan tentang penggunaan kata sapaan yang sesuai. Ini bermakna semakin tidak sama usia di antara penutur, semakin banyak tegur sapa yang diwarnai oleh unsur hormat.

Nik Safiah Karim (1992) jelas memperincikan penggunaan ganti nama dan kata panggilan berdasarkan perspektif sosiolinguistik. Nik Safiah telah memberikan tiga faktor utama kepada penggunaan kata panggilan, iaitu usia, status dan jarak hubungan antara penutur. Beliau juga menghuraikan pola penggunaan kata panggilan dan menandakannya dengan tanda hormat dan tidak hormat.

Kajian perbandingan boleh dilihat antara Amat Johari Moain (1989) dan Sumalee (1994). Kajian yang dijalankan oleh Amat Johari Moain bertujuan untuk melihat peraturan sistem panggilan dan sistem sapaan dalam masyarakat berbahasa Melayu di Malaysia dan di Brunei Darussalam. Tempat kajian ditumpukan di negeri Melayu yang beraja dan masyarakat yang dikaji ialah masyarakat kelas atasan. Beliau menganalisis sistem panggilan dan sistem sapaan berdasarkan peraturan sosiolinguistik yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp, iaitu peraturan alternasi, peraturan perurutan dan peraturan kajian bersama.

Amat Johari telah memberi huraian mengenai sistem panggilan dalam masyarakat Melayu lama, huraian mengenai sistem panggilan dalam masyarakat Melayu kini, huraian mengenai rujukan terhormat, perbandingan tentang sistem sapaan dan rujukan kehormat dan hubungan sistem sapaan dan panggilan dengan sistem nilai sosiobudaya Melayu. Amat Johari mendapati bahawa dalam sistem sapaan dan panggilan akan terdapat perubahan yang akan disesuaikan dengan perubahan pada masyarakat dan budaya yang bergantung pula pada perubahan nilai. Perubahan yang berlaku banyak tertumpu pada bidang bahasanya seperti kata untuk gelaran, rujukan kehormat, kata ganti nama, kata alih, dan lain-lain. Perubahan ini memberi implikasi yang besar terhadap pembinaan dan pengembangan bahasa kerana banyak perkataan baharu yang dicipta atau dipinjam yang digunakan dalam sistem sapaan dan panggilan. Peraturan sistem panggilan dan sistem sapaan ini juga menghasilkan penciptaan istilah baharu seperti istilah yang digunakan untuk menyapa gelaran, rujukan kehormat dan lain-lain dalam masyarakat Melayu atasan.

Tujuan kajian Sumalee (1994) adalah untuk menghuraikan serta

membandingkan bentuk panggilan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai dari sudut sosiolinguistik. Kajian ini meliputi analisis linguistik tentang bentuk panggilan dan faktor sosial serta kebudayaan yang mempengaruhi bentuk dan penggunaan kata panggilan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Bagi mendapatkan data kajian, beliau telah mengkaji dua buah novel Melayu, iaitu *Merpati Putih Terbang Lagi* (Khadijah Awang), *Seluang Menodak Baung* (Shahnon Ahmad) dan dua buah novel Thai, iaitu *Khamphiphaksa Korban Fitnah* (Chart Korbjitti) dan *Poonpidthong Emas yang Ditutup Simen* (Krissana Asoksin).

Sumalee mendapati bahawa terdapat persamaan dalam sistem panggilan antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai, iaitu pada bentuk panggilan dan sistem penggunaannya. Persamaan ini disebabkan oleh persamaan latar belakang kebudayaan masyarakat Melayu dan Thai yang berkembang sejak zaman dahulu hingga wujudlah bentuk yang mantap dan kukuh. Perbezaan yang ada hanyalah dari segi jumlah dan perinciannya sahaja.

Kajian ganti nama dan kata panggilan yang melibatkan satu kerangka teori telah diajukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kajian beliau bermula dari tahun 1988 hingga kini. Kajian beliau lebih merupakan analisis terhadap penggunaan ganti nama itu sendiri. Kebanyakan data yang digunakan ialah data lapangan dan ujaran sebenar yang digunakan oleh penutur Melayu. Kajian ganti nama yang melihat bagaimana wujudnya kekaburan dalam mencari rujuk silang, rujukan sebenar bagi kes dwifungsi dan pola penggunaan ganti nama itu sendiri telah dianalisis dengan pendekatan teoretis. Kerangka teori semantik dan pragmatik yang memang jelas bersifat saintifik telah berjaya menjelaskan penggunaan dan peranan ganti nama terutama yang melibatkan konteks.

Walaupun perspektif yang dikemukakan oleh Nor Hashimah agak berbeza daripada penyenaaran ganti nama oleh tiga pengkaji di atas, tetapi beliau juga tidak pernah menyentuh kata panggilan keluarga. Idea terakhir beliau dalam penyelidikannya mengenai ganti nama ialah ingin mendefinisikan ganti nama Melayu semula dengan memasukkan maklumat tata-bahasa, sosiolinguistik dan pragmatik.

Satu-satunya kajian yang boleh dianggap relevan dengan kata panggilan masyarakat Melayu ialah yang dilakukan oleh C.C. Brown (1921). Brown telah mengkaji penggunaan kata panggilan di Perak. Brown menganggap kata panggilan seperti *yop*, *kulop*, *lop* lebih merupakan kata manja atau timang-timangan. Tetapi daripada penyenaaran yang dilakukan berserta kata panggilan lain, kata panggilan itu lebih sesuai dianggap sebagai kata panggilan kekeluargaan. Berikut disenaraikan kata panggilan keluarga yang

ditemui oleh Brown:

<b>Lelaki</b>		<b>Perempuan</b>
Kulop )	I	Long
Lop )		Yong
Sulong (long)		
Yop	II	Ngah
Ngah	III	Alang, Yang
Alang	IV	Anjang
Panjang		
Anjang	V	Andak
Pandak	VI	Uda
Uda	VII	puteh
Puteh		Uteh
Teh		Teh
Itam	VIII	Itam
Busu	Akhir	Chu
Chu		Busu

Kajian Brown terhenti setakat penyenaian sahaja tetapi boleh dianggap sebagai satu sumbangan yang berharga pada kata panggilan keluarga Melayu Perak.


Daripada kesemua kajian yang dilakukan, jelas bahawa kajian terhadap ganti nama dan kata panggilan dilakukan secara umum. Tiada seorang pun yang cuba mendefinisikan perbezaan antara ketiga-tiga istilah tersebut. Hal ini juga boleh dianggap sebagai punca kekeliruan penggunaan ganti nama dalam kalangan penutur Melayu.

### **GANTI NAMA DIRI, KATA PANGGILAN UMUM, DAN KATA PANGGILAN KELUARGA**

Secara kasarnya, bolehlah dimasukkan ganti nama diri, kata panggilan umum, dan kata panggilan keluarga dalam sistem panggilan. Ketiga-tiga jenis ganti nama ini merupakan subbahagian kepada sistem panggilan, seperti dalam rajah berikut:

## KATA PANGGILAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

### Sistem Panggilan Bahasa Melayu



Ganti Nama Diri	Kata Panggilan Umum	Kata Panggilan Keluarga
+ manusia	+ manusia	+ manusia
+ bukan manusia	- bukan manusia	- bukan manusia
- gender	+ gender	+ gender
- rujukan	+ rujukan	+ rujukan
- kedudukan keluarga	- kedudukan keluarga	+ kedudukan keluarga
- status	+ status	- status

Hasil daripada pencirian di atas dapatlah dihasilkan pula definisi sistem kata panggilan dalam bahasa Melayu.

**Sistem panggilan** – sistem yang memuatkan ganti nama; sama ada diri, kata panggilan umum atau keluarga.

**Ganti nama** – kata yang menggantikan nama khas yang digunakan pada manusia dan bukan manusia. Ganti nama terbahagi kepada tiga, iaitu ganti nama pertama, kedua dan ketiga, contoh, *saya, awak, kamu, kami* dll.

**Kata panggilan umum** – kata yang menggantikan nama yang digunakan pada manusia dengan penentuan gender, rujukan dan status; contoh, *encik, puan, pak cik, saudara*, dll.

**Kata panggilan keluarga** – kata yang menggantikan nama, digunakan pada manusia dengan penentuan gender, rujukan, dan kedudukan dalam keluarga, contoh, *long, yop, ngah, usu*, dll.

### CONTOH PENGGUNAAN

Penggunaan ganti nama diri lebih berkait rapat dengan sosiolinguistik. Contohnya, di tempat formal mesti digunakan ganti nama seperti *saya, awak, kamu*. Teman sepermainan mengizinkan penggunaan ganti nama *aku* dan *kau* yang dianggap sebagai melambangkan keintiman bukan kasar. Contohnya:

1. Nadia: Cikgu naik apa?

- Cikgu: Kereta.  
Shalula: *Saya* naik van.  
Nadia: *Saya* naik Proton Satria.
2. Cikgu: Siapa nama?  
Nadia: Nama *dia* Faiz. Nama *saya* Nazatul Nadia.

Daripada contoh di atas, jelas bahawa kanak-kanak ini mampu memilih kata ganti diri yang sesuai dan bertepatan dengan suasana formal meskipun hanya sekolah tadika. Sekali lagi, yang diperoleh daripada ganti nama ini hanyalah maklumat penutur, pendengar dan orang ketiga. Faktor sosial seperti suasana formal dan usia yang muda dan sebaya telah membantu mereka memilih ganti nama tersebut.

Contoh di bawah pula memaparkan bagaimana ganti nama dan kata panggilan yang digunakan dalam perbualan menepati fitur dan definisi di atas.

3. A: *Cikgu, cikgu* ada orang patah kaki terkena van.  
*Dia* dulu duduk hospital, sekarang ni dah balik rumah.
4. A: Tak bolehlah sebab orang kirim, *dia* nak yang putih ... tak apalah *kak*, cuba cari tempat lain.

Daripada kesemua contoh di atas jelas bahawa ganti nama dan kata panggilan sangat aktif digunakan. Oleh itu perlulah satu panduan khusus yang membezakan antara kedua-dua jenis kata ganti tersebut. Yang dapat dikaitkan dengan fitur di atas ialah bahawa dalam ganti nama diri, yang diketahui hanyalah yang bercakap. Itu pun setakat sama ada penutur pertama, kedua atau ketiga. Contoh di atas ialah *dia* dan *saya*. *Dia* merujuk kepada orang yang dilanggar van (Contoh 1), orang yang mengirim (Contoh 2), iaitu ganti nama ketiga. Kesemuanya bersifat neutral dan tiada rujukan khusus yang dapat diberikan dari segi faktor sosial.

Berlainan pula dengan kata panggilan. *Cikgu* (Contoh 1, 3) ialah kata panggilan yang menunjukkan hormat kepada seorang yang berstatus mengikut profesinya. Selalunya *cikgu* lebih tua daripada orang yang bercakap. Jadi maklumat tambahan terus diperoleh daripada kata panggilan itu sahaja. Kata panggilan *kak* lebih menarik. Selain daripada *dia* lebih tua daripada penutur, *kak* juga memberikan jenis jantina iaitu perempuan dan juga mengandungi unsur hormat di dalamnya. Jadi jelas memang wujud perbezaan antara kedua-dua ganti nama ini.

Kata panggilan keluarga pula memerlukan maklumat sosiolinguistik dan pragmatik bagi menjelaskan penggunaannya. Sebagai penerangan

ringkas, diperturunkan beberapa contoh penggunaan kata panggilan keluarga.

5. A: Berapa orang nak?  
B: Ada dalam 20 orang.  
A: *Long*, ambil ni *Long*, *Long*.
6. A: Mak Ngah, potong kecil-kecil aje. Kang orang makan tak habis. Masukkan dalam itu aje bekas.  
B: Dalam mangkuk ...  
D: *Mak Ngah*, *Mak Ngah*, berapa hidang?
7. C: Siapa nak limau ni?  
B: *Mak cik* yang suruh.  
D: Ni, ni  
A: Ha, nak buat apa?  
D: *Mak Tam*, *Mak Tam*.

Berdasarkan contoh di atas, ternyata kata panggilan keluarga mempunyai kelebihan kerana daripadanya dapatlah diketahui kedudukan seseorang yang dipanggil. Contohnya dalam (5) *long* sudah tentu merujuk kepada yang sulung. *Long* akan diketahui jantainya jika nama individu yang dipanggil *long* diletakkan sekali. Tetapi ini tidak menjadi masalah. Memandangkan maklumat bukan linguistik yang dibekalkan oleh pragmatik mampu memberikan maklumat jantina *long*, maka penentuan tidak akan menjadi masalah. Maklumat gender ini diperoleh daripada visual dan ujaran terdahulu.

Begitu juga dengan *Mak Ngah*, *Mak Tam*, *mak cik*, kesemuanya dapat ditentukan rujukannya iaitu peringkat mak saudara, perempuan dan anak kedua, keenam dan keempat? Jelasnya jika yang dipanggil itu lelaki maka perkataan "Pak" digunakan seperti, *pak cik*. Apabila jumlah mak/bapa saudara melebihi 10 orang maka kata panggilan keluarga tidak memadai untuk diberikan kepada mereka. Jalan penyelesaiannya ialah dengan memberikan panggilan "mak" kemudian digabungkan dengan nama mak/bapa saudara itu. Contohnya, *Mak Nah*, *Pak Aman*, *Pak Hussin*, *Mak Iti*, dan sebagainya.

## TATABAHASA, SOSIOLINGUISTIK, DAN PRAGMATIK

Kata ganti nama yang dibincangkan dalam buku tatabahasa adalah berupa penyenaian. Pembaca hanya dibekalkan dengan sedikit maklumat



mengenai ganti nama berserta contoh yang mudah. Ahli tatabahasa dahulu sedar bahawa adanya faktor sosiolinguistik yang mempengaruhi penggunaan ganti nama tetapi kesan ini tidak pernah dijelaskan dengan baik. Nik Safiah Karim (1992) ada membincangkan ganti nama daripada perspektif sosiolinguistik tetapi bukannya dalam buku tatabahasa. Asmah ada menyebut faktor sosial tetapi huraian ringkas. Begitu juga Za'ba.

Mengapakah ini terjadi? Mungkin alasan kukuh yang boleh diberi ialah bahawa maklumat sosial dan budaya bukanlah maklumat linguistik. Jadi maklumat ini tidak seharusnya dimasukkan ke dalam buku tatabahasa. Tetapi ganti nama tidak sama statusnya dengan kata nama dari segi pemerian tatabahasa. Ganti nama adalah berkenaan penggunaan. Apabila melibatkan penggunaan, secara tidak langsung maklumat bukan linguistik perlu bagi menerangkan penggunaannya. Ketandusan maklumat tambahan yang menerangkan ganti nama inilah yang mengakibatkan penguasaan ganti nama dalam kalangan penutur bukan Melayu lemah. Tidak dapat tidak, maklumat bukan linguistik mesti dimasukkan.

Maklumat bukan linguistik merujuk kepada fungsi penggunaan, faktor sosial dan faktor budaya yang merupakan sosiolinguistik dan pragmatik. Sosiolinguistik menekankan pemboleh ubah sosial seperti usia, latar belakang keluarga, status dan pendidikan. Faktor pragmatik yang memasukkan unsur konteks akan membantu dalam memberikan panduan mentafsir ganti nama terutama sekali apabila wujudnya kekaburan makna. Dalam usaha menentukan ruang lingkup kajian ini, maka dibincangkan kata panggilan keluarga daripada perspektif sosiolinguistik dan pragmatik.

## **ANALISIS SOSIOLINGUISTIK**

Pemodenan banyak mempengaruhi penggunaan kata panggilan keluarga. Bahagian ini akan memaparkan satu pemboleh ubah sahaja iaitu usia yang akan memperlihatkan unsur perubahan penggunaan kata panggilan keluarga yang ketara ini. Secara umumnya dapat dilihat bahawa nilai tradisional sudah semakin jelas ditinggalkan. Perhatikan pola penggunaan kata panggilan keluarga oleh golongan muda.

### **Hubungan Pemboleh Ubah Sosial dengan Jenis Panggilan dalam Kekeluargaan Melayu**

Dalam kajian yang dijalankan, dua pemboleh ubah sosial telah dipilih, iaitu usia dan lokasi untuk melihat hubungan dengan jenis panggilan terhadap

sistem panggilan kekeluargaan Melayu. Hanya pemboleh ubah usia atau intergenerasi yang akan dipaparkan dalam makalah ini yang melibatkan jenis panggilan untuk adik-beradik perempuan dan lelaki sehingga anak ketiga dan jenis panggilan untuk ibu dan bapa saudara responden sebelah bapa.

### **Hubungan antara Usia dengan Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Pertama**

Bagi panggilan *abang*, sebanyak 69.8% daripada responden yang berusia 16–20 tahun menyapa adik-beradik lelaki pertama dengan panggilan tersebut. Sebanyak 27.4% pula daripada kategori usia 21–25 tahun yang memanggil *abang* kepada adik-beradik lelaki pertama mereka, 0.5% berusia 26–30 tahun dan 2.3% bagi usia 31–35 tahun.

Selain *abang*, *along* juga merupakan panggilan yang digunakan. Sebanyak 65.2% daripada responden yang berusia 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *along* untuk menyapa adik-beradik lelaki pertama. Sebanyak 28.7% pula daripada mereka yang berusia 21–25 tahun yang menggunakan panggilan tersebut. Seterusnya untuk kategori 26–30 tahun pula, sebanyak 2.9% yang menggunakannya. Begitu juga dengan responden yang dalam kategori usia 31–30 dan 36–40 tahun, yang turut memanggil adik-beradik lelaki pertama mereka dengan panggilan *along* masing-masing sebanyak 2.0% dan 1.2%.

Bagi panggilan *nama* pula, terdapat dua kategori sahaja yang menggunakannya untuk menyapa adik-beradik lelaki pertama mereka. Bagi kategori usia 16–20 tahun sebanyak 88.9% yang menggunakannya, manakala dalam kategori 21–25 tahun pula, sebanyak 11.1% yang menggunakannya. Selain daripada memanggil *nama*, responden juga menggunakan panggilan *yop* bagi menyapa adik-beradik-lelaki pertama mereka. Untuk panggilan *yop*, juga terdapat dua kategori usia sahaja yang menggunakannya, iaitu 16–20 tahun dan 20–25 tahun. Untuk kedua-dua kategori ini, sebanyak 50.0% yang menggunakan panggilan *yop*.

Kajian seterusnya menunjukkan bahawa panggilan *kakak* yang digunakan oleh responden dalam kategori 16–20 tahun adalah sebanyak 68.1%. Sebanyak 28.6% pula daripada kategori 21–25 tahun yang turut memanggil *kakak*. Responden yang berusia 26–30 tahun pula hanya 1.1% dan 1.6% bagi usia 31–35 yang menyapa adik-beradik perempuan pertama mereka dengan panggilan *kakak*. Terdapat juga 0.5% responden dalam kategori 36–40 tahun yang turut menggunakan panggilan *kakak* untuk memanggil adik-beradik perempuan pertama dalam keluarga.

**Jadual 1** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Pertama.

Jenis panggilan	Usia	Lelaki	Perempuan
Abang/Kakak	16–20	69.8%	68.1%
	21–25	27.4%	28.6%
	26–30	0.5%	1.1%
	31–35	2.3%	1.6%
	36–40	–	0.5%
Along/Along	16–20	65.2%	67.6%
	21–25	28.7%	30.9%
	26–30	2.9%	0.9%
	31–35	2.0%	0.3%
	36–40	1.2%	0.3%
Nama>Nama	16–20	88.9%	67.6%
	21–25	11.1%	24.3%
	26–30	–	2.7%
	31–35	–	2.7%
	36–40	–	5.4%
Yop/Yong	16–20	50%	71.4%
	21–25	50%	25%
	26–30	–	–
	31–35	–	–
	36–40	–	3.6%

Sementara itu, *along* merupakan panggilan yang turut digunakan. Responden yang berusia 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *along* adalah sebanyak 67.6%. Sebanyak 30.9% pula daripada mereka yang berusia 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan *along*. Untuk kategori 26–30 tahun pula hanya 0.9% sahaja yang menggunakannya. Responden dalam kategori 31–35 dan 36–40 tahun, turut memanggil adik-beradik perempuan pertama mereka dengan panggilan *along*, iaitu masing-masing sebanyak 0.3%.

Terdapat empat kategori usia sahaja yang menggunakan *nama* untuk menyapa adik-beradik perempuan pertama mereka. Bagi kategori 16–20

tahun sebanyak 67.6% yang menggunakan nama. Sebanyak 28.6% pula daripada responden dalam kategori 21–25 tahun yang menggunakan nama. Yang berusia 26–30 tahun yang turut memanggil *nama* sahaja sebanyak 2.7%. Bagi kategori 31–35 tahun pula hanya sebanyak 5.4% yang menggunakan panggilan *nama*.

Selain daripada memanggil *nama*, responden juga menggunakan panggilan *yong* bagi menyapa adik-beradik perempuan pertama mereka. Untuk panggilan *yong*, sebanyak 71.4% daripada yang berusia 16–20 tahun yang menggunakannya. Yang berusia 20–25 tahun pula sebanyak 25.0% yang menggunakan *yong*. Sehubungan dengan panggilan *yong*, responden daripada kategori 36–40 tahun juga turut menggunakan panggilan *yong*, iaitu sebanyak 3.6%. Daripada taburan statistik jelas bahawa golongan

**Jadual 2** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Kedua.

Jenis panggilan	Usia	Lelaki	Perempuan
Abang/Kakak	16–20	60.2%	73.6%
	21–25	36.8%	24.3%
	26–30	1.5%	0.7%
	31–35	1.5%	0.7%
	36–40	–	0.7%
Angah/Angah	16–20	71.3%	64.8%
	21–25	23.6%	34.7%
	26–30	2.2%	–
	31–35	1.7%	–
	36–40	1.1%	0.5%
Nama>Nama	16–20	76.7%	81.2%
	21–25	19.8%	15.9%
	26–30	1.2%	1.4%
	31–35	2.3%	1.4%
	36–40	–	–
Adik/Adik	16–20	77.8%	85.7%
	21–25	22.2%	9.5%
	26–30	–	–
	31–35	–	4.8%
	36–40	–	–

16–20 tahun mempunyai kata panggilan keluarga yang lebih lentur berbanding dengan golongan tua.

### Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Kedua

Dalam Jadual 2 panggilan *abang* yang paling dominan. Untuk panggilan *abang*, sebanyak 60.2% daripada kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *abang* untuk menyapa adik-beradik lelaki kedua mereka. Yang berusia 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *abang* pula sebanyak 36.8%. Bagi yang berusia 26–30 tahun dan 31–35 tahun, masing-masing sebanyak 1.5% yang menggunakan *abang*. Tidak ada daripada kategori berusia 36–40 tahun yang memanggil adik-beradik lelaki kedua mereka sebagai *abang*.

*Angah* merupakan panggilan kekeluargaan yang biasa digunakan untuk menyapa atau memanggil adik-beradik kedua dalam sesebuah keluarga. Bagi panggilan adik-beradik lelaki kedua ini, sebanyak 71.3% daripada kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan tersebut. Sebanyak 19.8% daripada kategori 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan *angah*. Yang berusia 26–30 tahun sebanyak 2.2%, 1.7% bagi kategori umur 31–35 dan 1.1% lagi bagi mereka yang berumur 36–40 tahun yang menggunakan *angah*.

*Nama* juga digunakan untuk memanggil adik-beradik lelaki kedua. Sebanyak 76.7% daripada responden yang berusia 16–20 tahun hanya memanggil *nama*. Sebanyak 19.8% pula dalam kategori 21–25 tahun yang menggunakan panggilan tersebut. Bagi yang berusia 31–35 dan 36–40 tahun pula, hanya 1.2% dan 2.3% yang menggunakan *nama* untuk adik-beradik lelaki kedua.

Selain panggilan tersebut, *adik* juga digunakan untuk memanggil adik-beradik lelaki kedua dalam sesebuah keluarga. Namun, panggilan *adik* hanya digunakan oleh kalangan yang terdiri daripada kategori 16–20 dan 21–25 tahun sahaja manakala 77.8% untuk kategori 16–20 dan 22.2% untuk kategori 21–25 tahun.

Bagi anak perempuan kedua pula, *kakak* merupakan panggilan yang paling dominan. Sebanyak 73.6% daripada kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan ini untuk menyapa adik-beradik perempuan kedua mereka. Responden yang berusia 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan *kakak* pula sebanyak 24.3%. Dalam kategori 26–30, 31–35 dan 36–40 tahun sebanyak 0.7% daripada masing-masingnya memanggil adik-beradik perempuan kedua mereka sebagai *kakak*.

*Angah* biasa digunakan untuk menyapa atau memanggil adik-beradik

kedua dalam sesebuah keluarga. Bagi panggilan adik-beradik perempuan kedua ini, sebanyak 64.8% daripada kategori 16–20 tahun dan sebanyak 34.7% dalam kategori 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *angah*. Kategori 36–40 tahun yang juga menggunakan panggilan *angah* untuk memanggil adik-beradik perempuan kedua pula adalah sebanyak 0.5% sahaja.

Dapatan kajian turut membuktikan bahawa panggilan *nama* digunakan untuk memanggil adik-beradik perempuan kedua. Sebanyak 81.2% daripada

**Jadual 3** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Ketiga.

Bentuk panggilan	Usia	Lelaki	Perempuan
Abang/Kakak	16–20	63.6%	64.1%
	21–25	36.4%	34.6%
	26–30	–	–
	31–35	–	1.3%
Nama>Nama	36–40	–	–
	16–20	75.7%	75.9%
	21–25	22.8%	22.1%
	26–30	0.7%	0.7%
	31–35	0.7%	1.4%
Uda/Uda	36–40	–	–
	16–20	66.7%	61.2%
	21–25	24.4%	38.8%
	26–30	4.4%	–
	31–35	2.2%	–
	36–40	2.2%	–
Adik/Adik	16–20	67.6%	81.1%
	21–25	27.0%	15.9%
	26–30	2.7%	–
	31–35	2.7%	2.3%
	36–40	–	–

responden yang berusia 16–20 tahun yang hanya memanggil *nama* kepada adik-beradik perempuan kedua dalam keluarga mereka. Responden yang berusia 21–25 tahun pula yang menggunakan nama sebanyak 15.9%. Bagi yang berusia 26–30 dan 31–35 tahun pula masing-masing sebanyak 1.4%

yang menggunakan *nama*. Namun begitu, hasil kajian menunjukkan bahawa tiada responden yang berusia 36–40 tahun yang mengguna panggilan Nama.

Selain panggilan tersebut, *adik* juga digunakan untuk memanggil adik-beradik perempuan kedua dalam keluarga. Jelasnya, panggilan *adik* banyak digunakan oleh kalangan yang terdiri daripada kategori usia 16–20 dan 21–25 tahun, iaitu 85.7% untuk kategori 16–20 tahun dan 9.5% untuk kategori 21–25 tahun. Untuk panggilan *adik*, responden yang berusia 31–35 tahun juga menggunakannya, iaitu sebanyak 4.8%. Sekali lagi responden berumur 16–20 memilih kata panggilan keluarga yang lebih luwes. Malah kata panggilan keluarga yang bersifat umum lebih menjadi pilihan seperti *nama* dan *adik*, iaitu 81.2% dan 85.7%

### Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Ketiga

Panggilan *abang* ternyata sebahagian daripada panggilan kekeluargaan untuk adik-beradik lelaki ketiga dalam sesebuah keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa panggilan *abang* bagi adik-beradik lelaki ketiga hanya digunakan oleh golongan yang berusia 16–20 dan 21–25 tahun. Jumlah yang tinggi digunakan oleh kalangan yang berusia 16–20 tahun, iaitu sebanyak 63.3%. Panggilan *abang* untuk adik-beradik lelaki ketiga oleh kalangan yang berusia 21–25 tahun pula sebanyak 36.4%. Panggilan *abang* tidak digunakan oleh kalangan yang berusia antara 26–40 tahun.

Selain memanggil *abang* untuk adik-beradik lelaki ketiga, memanggil *nama* sahaja juga merupakan suatu panggilan yang digunakan untuk menyapa adik-beradik lelaki ketiga dalam sesebuah keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa kalangan yang berusia 16–20 tahun lebih tinggi jumlahnya untuk memanggil adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga mereka dengan *nama* sahaja, iaitu sebanyak 75.7%. Responden yang berusia 21–25 tahun yang menggunakan *nama* untuk menyapa adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga mereka pula sebanyak 22.8%. Sementara itu, kalangan yang dalam kategori 26–30 dan 31–35 tahun pula adalah masing-masing sebanyak 0.7% yang menggunakan panggilan nama. Tidak ada seorang pun responden daripada kategori 35–40 tahun yang menggunakan *nama* untuk memanggil adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga mereka.

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa panggilan *uda* untuk merujuk kepada adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga digunakan oleh semua kategori usia yang ada. Sebanyak 66.7% dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *uda* untuk menyapa adik-beradik lelaki ketiga

dalam keluarga mereka. Bagi kalangan yang berusia 21–25 tahun pula, sebanyak 24.4% dan yang berusia 26–30 tahun pula, sebanyak 4.4% yang memanggil *uda* untuk memanggil adik-beradik lelaki ketiga. Sementara itu, dalam kategori 31–35 dan 36–40 tahun pula masing-masing sebanyak 2.2% yang menggunakan panggilan tersebut.

Panggilan *adik* juga ternyata panggilan yang sudah menjadi salah satu panggilan kekeluargaan bagi responden. Untuk panggilan *adik*, hanya kategori usia 35–40 yang tidak menggunakannya. Bagi kalangan yang berusia 16–20 tahun, sebanyak 67.6% yang menggunakan panggilan *adik* untuk memanggil adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga mereka. Sebanyak 27.0% daripada kategori usia 21–25 tahun yang menggunakan panggilan ini. Bagi kalangan yang berusia 26–30 dan 32–35 tahun pula, masing-masing sebanyak 2.7% yang menggunakan panggilan *adik*.

*Kakak* merupakan panggilan yang kini sudah menjadi sebahagian daripada panggilan kekeluargaan untuk adik beradik perempuan ketiga dalam sesebuah keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa panggilan *kakak* bagi adik-beradik perempuan ketiga hanya digunakan oleh kalangan yang berusia 16–20 dan 21–25 tahun. Jumlah yang tinggi digunakan oleh kalangan yang berusia 16–20 tahun iaitu sebanyak 64.1%. Panggilan *kakak* oleh kalangan yang berusia 21–25 tahun pula sebanyak 34.6%, manakala yang berusia 31–35 tahun pula sebanyak 1.3% sahaja. Namun begitu panggilan *kakak* tidak digunakan dalam kalangan yang berusia antara 36–40 tahun.

Selain daripada memanggil *kakak* kepada adik-beradik perempuan ketiga, panggilan *nama* juga merupakan suatu panggilan yang digunakan dalam sapaan adik-beradik perempuan ketiga dalam sesebuah keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa kalangan yang berusia 16–20 tahun mempunyai jumlah yang tinggi dalam kelompok yang memanggil adik-beradik perempuan ketiga dalam keluarga mereka dengan *nama* sahaja, iaitu sebanyak 75.9%. Mereka yang berusia 21–25 tahun yang menggunakan *nama* untuk menyapa adik-beradik perempuan ketiga dalam keluarga mereka pula sebanyak 22.1%. Sementara itu, kalangan yang dalam kategori usia 26–30 pula sebanyak 0.7% dan bagi kategori usia 31–35 pula sebanyak 1.4% yang menggunakan panggilan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun responden daripada kategori usia 35–40 tahun yang menggunakan *nama* untuk memanggil adik-beradik lelaki ketiga dalam keluarga mereka.

Berdasarkan Jadual 3, panggilan *uda* untuk merujuk kepada adik-beradik perempuan ketiga dalam keluarga digunakan oleh dua kategori usia sahaja, iaitu 16–20 dan 21–25 tahun. Sebanyak 61.2% daripada kategori usia 16–20



tahun yang menggunakan panggilan *uda*. Bagi mereka yang berusia 21–25 tahun pula, sebanyak 38.8 % yang menggunakan panggilan *uda*.

*Adik* juga ternyata merupakan panggilan yang sudah menjadi salah satu panggilan kekeluargaan bagi responden. Bagi kalangan yang berusia 16–20 tahun, sebanyak 81.8% yang menggunakan panggilan *adik* untuk memanggil adik-beradik perempuan ketiga dalam keluarga mereka. Sebanyak 15.9% daripada kategori usia 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan ini. Yang berusia 31–35 tahun pula, sebanyak 2.3% yang menggunakan panggilan *adik* untuk menyapa atau memanggil adik-beradik perempuan ketiga.

### **Hubungan antara Pemboleh Ubah Usia dengan Jenis Panggilan untuk Bapa dan Ibu Saudara Sebelah Bapa**

Usia turut memainkan peranan penting dalam menyapa atau memanggil bapa dan ibu saudara. Sehubungan itu faktor usia akan diperhatikan untuk melihat pola penggunaan kata panggilan. Dalam panggilan kekeluargaan, ternyata terdapat pelbagai jenis panggilan untuk bapa dan ibu saudara berdasarkan kedudukan masing-masing dalam sesebuah keluarga.

Pemaparan data ini tidak akan melihat kesemua jenis panggilan kekeluargaan ini satu persatu tetapi hanya akan memberi tumpuan kepada empat jenis panggilan yang lebih dominan. Begitu juga dengan bilangannya. Panggilan bapa dan ibu saudara akan hanya dilihat sehingga bilangan anak yang ketiga.

### **Hubungan antara Usia dengan Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Pertama Sebelah Bapa**

Untuk panggilan bapa saudara pertama sebelah bapa, panggilan *Pak Long* merupakan panggilan yang dominan. Sebanyak 54.0% daripada jumlah responden yang menyapa bapa saudara mereka dengan panggilan tersebut. Berdasarkan peratusan tersebut, sebanyak 68.8% daripada responden yang berusia 16–20 tahun yang memanggil bapa saudara pertama mereka dengan panggilan tersebut. Sebanyak 29.0% daripada kategori 21–25 tahun, 1.3% daripada kategori 26–30 tahun, 0.7% daripada kategori 31–35 tahun dan 0.2% daripada kategori 36–40 tahun yang menggunakan kata panggilan *Pak Long*.

Selain panggilan *Pak Long*, panggilan *Ayah Long* menjadi rujukan kepada responden untuk memanggil bapa saudara mereka yang pertama, iaitu sebanyak 8.1%. Untuk panggilan *Ayah Long*, 60.3% daripada kategori 16–20 tahun yang memanggil bapa saudara pertama mereka dengan pang-

**Jadual 6** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Pertama Sebelah Bapa.

Jenis panggilan	Usia	Bapa saudara	Ibu saudara
Pak Long/Mak Long	16–20	68.8%	66.5%
	21–25	29.0%	30.8%
	26–30	1.3%	1.5%
	31–35	0.7%	0.4%
	36–40	0.2%	0.8%
Ayah Long/Mak Cik	16–20	60.3%	65.2%
	21–25	38.2%	34.8%
	26–30	–	–
	31–35	–	–
	36–40	1.5%	–
Pak Cik/Mak + Nama	16–20	71.4%	80.0%
	21–25	28.6%	20.0%
	26–30	–	–
	31–35	–	–
	36–40	–	–
Ayah + Nama/Makwe	16–20	70.4%	66.7%
	21–25	29.6%	26.7%
	26–30	–	–
	31–35	–	6.7%
	36–40	–	–

gilan tersebut. Sementara itu, sebanyak 38.2% pula daripada kategori 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *Ayah Long*. Tiada seorang pun daripada kategori 26–30 dan 31–35 tahun yang menggunakan panggilan ini. Walau bagaimanapun terdapat 1.5% daripada kategori 36–40 tahun yang menggunakan panggilan ini.

Panggilan *Pak Cik* pula digunakan oleh kategori 16–20 tahun dan 21–25 tahun. Jika dibandingkan kedua-dua kategori usia ini, mereka yang berusia 16–20 tahun lebih kerap menggunakan panggilan *Pak Cik*. Sementara 28.6% daripada responden yang menggunakan panggilan *Pak Cik* untuk merujuk kepada bapa saudara pertama mereka.

Panggilan *ayah + nama* juga merupakan panggilan yang digunakan oleh responden. Sebanyak 70.4% daripada responden dalam kategori 16–20 tahun yang menyapa bapa saudara pertama mereka dengan panggilan *ayah + nama*. Sebanyak 29.6% daripada kategori 21–25 tahun juga menggunakan panggilan tersebut.

Bagi ibu saudara pula, panggilan *Mak Long* merupakan panggilan yang dominan untuk ibu saudara pertama sebelah bapa, iaitu sebanyak 66.5% daripada kalangan yang berusia 16–20 tahun. Sebanyak 30.8% daripada responden yang usia 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan *Mak Long*. Bagi kategori usia 26–30 tahun sejumlah 1.5% yang memanggil ibu saudara pertama mereka dengan panggilan *Mak Long*. Manakala mereka yang berusia 31–35 tahun pula adalah sebanyak 0.4% dan mereka yang berusia 36–40 tahun pula sebanyak 0.8% yang menggunakan panggilan tersebut.

Panggilan *Mak Cik* juga menjadi pilihan kepada responden untuk memanggil ibu saudara mereka yang pertama, iaitu sebanyak 65.2% daripada kategori 16–20 tahun. Sementara itu, sebanyak 34.8% pula daripada kategori 21–25 tahun yang menggunakan *Mak Cik*. Kategori 31–35 tahun yang menggunakan panggilan ini adalah sebanyak 6.7%.

Bagi panggilan *mak + nama* hanya kategori 16–20 tahun dan 21–25 tahun yang menggunakannya. Jika dibandingkan kedua-dua kategori ini, yang berusia 16–20 tahun lebih kerap menggunakan *mak + nama*, iaitu 78.0%. Sebanyak 20.0% daripada responden yang berusia 21–25 tahun pula yang menggunakan panggilan *Mak Cik* untuk merujuk kepada ibu saudara pertama sebelah bapa mereka.

*Makwe* juga menjadi salah satu panggilan yang digunakan bagi memanggil ibu saudara pertama sebelah bapa. Sebanyak 66.7% daripada responden dalam kategori 16–20 tahun yang menyapa ibu saudara pertama mereka dengan panggilan ini. Sebanyak 26.7% daripada kategori 21–25 tahun juga menggunakan panggilan tersebut. Sementara itu, sebanyak 6.7% sahaja responden daripada kumpulan 31–35 tahun yang menyapa ibu saudara pertama sebelah bapa mereka dengan panggilan *Makwe*.

### **Hubungan antara Usia dengan Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Kedua Sebelah Bapa**

Berdasarkan Jadual 7, sejumlah 66.7% daripada responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *Pak Ngah* untuk merujuk kepada panggilan bagi bapa saudara mereka yang kedua. Sebanyak 30.6% pula daripada kategori 21–25 tahun dan 1.4% daripada kategori 26–30 tahun yang menggunakan panggilan tersebut. Akhir sekali sejumlah 0.3% daripada kategori 36–40 tahun yang menggunakan panggilan *Pak Ngah* untuk merujuk kepada bapa saudara mereka yang kedua.

Panggilan *Pak Cik* sering dikenali sebagai panggilan umum untuk me-

**Jadual 7** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Kedua Sebelah Bapa.

Jenis panggilan	Usia	Bapa saudara	Ibu saudara
Pak Ngah/Mak Ngah	16–20	66.7%	71.0%
	21–25	30.6%	25.8%
	26–30	1.4%	0.4%
	31–35	1.1%	1.8%
	36–40	0.3%	1.1%
Pak Cik/Mak Cik	16–20	68.8%	64.8%
	21–25	29.7%	35.2%
	26–30	1.6%	–
	31–35	–	–
	36–40	–	–
Ayah Ngah/Mak Cik + Nama	16–20	63.5%	90.0%
	21–25	34.6%	10.0%
	26–30	–	–
	31–35	–	–
	36–40	–	–
Ayah + Nama/Mak + Nama	16–20	58.3%	63.2%
	21–25	41.7%	26.3%
	26–30	–	5.3%
	31–35	–	5.3%
	36–40	–	–

nyapa seseorang yang lebih tua, namun panggilan ini juga turut menjadi salah satu panggilan yang dominan dalam panggilan kekeluargaan masyarakat Melayu. Sebanyak 68.8% yang menggunakan panggilan tersebut bagi mereka yang berusia antara 16–20 tahun. Bagi mereka yang dalam kategori 21–25 tahun pula, sebanyak 29.7% yang memanggil bapa saudara kedua mereka dengan *Pak Cik*. Sementara itu, sebanyak 1.6% pula daripada kategori 26–30 tahun yang menggunakan panggilan *Pak Cik*. Rajah di bawah juga menunjukkan bahawa tiada responden daripada kategori 31–35 dan 36–40 tahun yang memanggil bapa saudara mereka yang kedua dengan panggilan *Pak Cik*.

*Ayah Ngah* juga merupakan salah satu panggilan yang dominan untuk menyapa bapa saudara yang kedua. Jadual di bawah menunjukkan sebanyak 63.5% daripada responden yang berusia 16–20 tahun yang menggunakan

panggilan ini. Sementara itu, sebanyak 34.6% daripada kategori 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *Ayah Ngah*. Tidak ada responden dalam kategori 26–30 dan 31–35 tahun yang menggunakan panggilan *Ayah Ngah* ini. Walau bagaimanapun, terdapat 1.9% responden dalam kategori 36–40 tahun yang turut menggunakan panggilan ini.

Selain panggilan *Pak Ngah*, *Pak Cik* dan *Ayah Ngah*, panggilan *ayah + Nama* juga merupakan panggilan yang dominan dalam panggilan kekeluargaan. Untuk panggilan ini, sebanyak 58.3% responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakannya. Sebanyak 41.7% pula daripada responden yang berusia 21–25 tahun yang menggunakan *ayah + nama*. Tidak ada responden dalam kategori 26–30, 31–35 dan 36–40 tahun yang menggunakan panggilan *ayah + nama* untuk menyapa bapa saudara mereka yang kedua.

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 71.0% daripada responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *Mak Ngah* untuk merujuk kepada panggilan ibu saudara mereka yang kedua. Sebanyak 25.8% pula daripada kategori 21–25 tahun yang menggunakannya. Selain itu, sebanyak 0.4% daripada kalangan yang berusia 26–30 yang menggunakan panggilan *Mak Ngah*. Bagi kalangan yang berusia 31–35 tahun, sebanyak 1.8% yang turut menggunakan panggilan *Mak Ngah*. Akhir sekali sebanyak 1.1% responden dalam kategori 36–40 tahun yang menyapa ibu saudara kedua sebelah bapa mereka dengan panggilan *Mak Ngah*.

Panggilan *Mak Cik* juga merupakan panggilan yang turut menjadi salah satu panggilan yang dominan. Sebanyak 64.8% yang berusia antara 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *Mak Cik*. Bagi kalangan dalam kategori 21–25 tahun pula, sebanyak 35.2% yang memanggil ibu saudara kedua sebelah bapa mereka dengan panggilan tersebut. Sementara itu, tidak ada responden dalam kategori 26–30, 31–35 dan 36–40 tahun yang menggunakan panggilan *Mak Cik*.

Selain itu, panggilan *Mak Cik + nama* juga merupakan salah satu panggilan yang digunakan untuk menyapa ibu saudara yang kedua sebelah bapa responden. Jadual di atas menunjukkan sebanyak 90.0% daripada responden yang berusia 16–20 tahun yang menggunakan panggilan ini. Sementara itu, kategori usia 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *Mak Cik + nama* adalah sebanyak 20.0%. Tidak ada yang menggunakan *Mak Cik + nama* untuk kategori 26–30, 31–35 dan 36–40 tahun.

Panggilan *Mak + nama* juga merupakan panggilan yang kerap digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu kini. Untuk panggilan ini, sebanyak 63.2% responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan

**Jadual 8** Hubungan antara Usia dengan Jenis Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Ketiga Sebelah Bapa.

Jenis panggilan	Usia	Bapa saudara	Ibu saudara
Pak Lang/Mak Lang	16–20	68.2%	71.1%
	21–25	28.%	25.^%
	26–30	1.3%	0.8%
	31–35	1.3%	2.5%
	36–40	0.7%	–
Pak Da/Mak Da	16–20	70.9%	68.7%
	21–25	24.1%	30.1%
	26–30	1.35	1.2%
	31–35	1.3%	–
	36–40	2.5%	–
Pak Cik/Mak Cik	16–20	63.3%	65.0%
	21–25	35.0%	28.3%
	26–30	–	3.3%
	31–35	1.7%	1.7%
	36–40	–	1.7%
Ayah + Nama/Mak + Nama	16–20	0.7%	69.6%
	21–25	60.7%	30.4%
	26–30	39.3%	–
	31–35	–	–
	36–40	–	–

panggilan *Mak + nama*. Sebanyak 26.3% pula daripada kalangan yang berusia 21–25 tahun yang turut memanggil ibu saudara kedua sebelah bapa mereka dengan panggilan *Mak + nama*. Sementara itu, sebanyak 5.3% responden dari kategori usia 26–30 dan 31–35 tahun yang menggunakan panggilan *Mak + nama* untuk menyapa ibu saudara sebelah bapa mereka.

### Hubungan antara Usia dengan Panggilan Bapa dan Ibu Saudara Ketiga Sebelah Bapa

Panggilan *Pak Lang* merupakan panggilan yang selalu digunakan untuk bapa saudara yang ketiga. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 68.2% daripada responden yang berusia 16–20 tahun yang memanggil bapa saudara

mereka dengan panggilan *Pak Lang*. Bagi kalangan yang berusia antara 21–25 tahun pula sebanyak 28.5% yang menggunakannya. Hanya 1.3% yang memanggil bapa saudara ketiga mereka sebagai *Pak Lang* yang terdiri daripada kategori 26–30 dan 31–35 tahun. Sementara itu, kalangan yang berusia antara 36–40 tahun yang menggunakan panggilan tersebut sebanyak 0.7%.

Selain panggilan *Pak Lang* untuk anak ketiga, panggilan *Pak Da* juga digunakan. Kesemua kategori usia menggunakan panggilan ini. Responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan *Pak Da* sebanyak 70.9%. Dalam kategori 21–25 tahun pula, sebanyak 24.1% yang menggunakannya. Sementara bagi kalangan dalam kategori 26–30 dan 31–35 tahun, masing-masing sebanyak 1.3% yang menggunakan panggilan tersebut. Kategori 36–40 tahun pula yang menggunakan panggilan *Pak Da* sebanyak 2.5%.

Bagi panggilan *Pak Cik* pula, hanya tiga kategori yang menggunakannya. Kategori usia yang paling tinggi yang menggunakannya terdiri daripada yang berusia 16–20 tahun, iaitu sebanyak 63.3%. Yang berusia 21–25 tahun sebanyak 35.0% dan yang berusia 31–35 tahun sebanyak 1.7% yang menggunakan panggilan tersebut.

Panggilan *ayah + nama* merupakan antara panggilan yang digunakan untuk merujuk kepada bapa saudara yang ketiga. Namun begitu hanya kalangan yang berada dalam kategori 16–20 dan 21–25 tahun yang menggunakan panggilan ini. Kalangan yang berusia 16–20 tahun yang menggunakannya adalah sebanyak 60.7% manakala bagi kategori 21–25 tahun yang menggunakannya pula sebanyak 39.3%.

*Mak Lang* merupakan panggilan yang paling kerap bagi panggilan ibu saudara ketiga bagi pihak bapa. Bagi panggilan ini, sebanyak 71.1% daripada kalangan yang berusia 16–20 tahun yang menggunakannya. Sebanyak 25.6% daripada kalangan yang berusia 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan yang sama. Dalam kategori 26–30 tahun, hanya 0.8% yang menggunakan panggilan *Mak Lang* manakala dalam kategori 32–35 tahun pula sebanyak 2.5% yang menggunakannya.

Panggilan *Mak Cik* merupakan panggilan yang kedua terkerap digunakan untuk menyapa ibu saudara ketiga. Kalangan yang berusia 16–20 tahun yang menggunakannya adalah sebanyak 68.7%. Sebanyak 15.6% pula dalam kategori 21–25 tahun yang menggunakan panggilan *Mak Cik* untuk menyapa ibu saudara mereka yang ketiga. Responden dalam kategori 26–30 tahun yang turut menggunakan panggilan ini sebanyak 6.3%.

Bagi panggilan *Mak Da* pula, sebanyak 65.0% dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakannya. Sebanyak 28.3% lagi terdiri daripada kategori

21–25 tahun. Bagi kategori 26–30 tahun pula sebanyak 3.3% yang menggunakannya. Sementara itu, responden daripada kategori 31–35 dan 36–40 tahun yang turut menggunakan panggilan *Mak Da* adalah masing-masing sebanyak 1.7% sahaja.

Panggilan *Mak + nama* juga antara panggilan yang turut digunakan untuk menyapa ibu saudara yang ketiga sebelah bapa. Sebanyak 69.6% daripada responden dalam kategori 16–20 tahun yang menggunakan panggilan ini. Sebanyak 30.4% yang berumur 21–25 tahun yang turut menggunakan panggilan ini. Sementara itu tidak terdapat responden dalam kategori 26–30, 31–35 dan 36–40 tahun yang menggunakan panggilan *Mak + nama*.

## RUMUSAN SOSIOLINGUISTIK

Berdasarkan pemaparan jenis panggilan bagi adik-beradik lelaki dan perempuan serta panggilan untuk bapa dan ibu saudara sebelah bapa, didapati wujud perubahan bentuk panggilan kekeluargaan warisan masyarakat Melayu. Penggunaan panggilan warisan seperti *Pak Long, Mak Long, Pak Ngah, Mak Ngah* dan *Pak Cik, Mak Cik* masih meluas. Namun terdapat perubahan yang ketara bagi panggilan dalam kalangan adik-beradik. Panggilan *abang* dan *kakak* paling popular digunakan untuk merujuk kepada anak pertama. Panggilan seperti *nama* dan *adik* juga semakin popular meskipun tidak berlaku dalam sistem panggilan kekeluargaan masyarakat Melayu pada masa silam. Ternyata pemodenan telah mempengaruhi sistem kata panggilan keluarga.

## ANALISIS PRAGMATIK

Kata panggilan keluarga juga boleh dikaji dengan menggunakan pendekatan pragmatik. Dalam hal ini peranan konteks membantu dalam pentafsiran penggunaan kata panggilan keluarga dengan tepat.

Data rakaman jelas memperlihatkan kepelbagaian bentuk kata panggilan yang digunakan sama ada yang melibatkan keluarga ataupun orang luar keluarga.<sup>1</sup> Contoh penggunaan kata panggilan keluarga seperti di bawah;

### Data 1

B : Tak tahu, dia tak ada kat rumah *Bang Long*.



- A : ... pergi sembahyang kat masjid. Pada dia, pada dia. Lagi satu  
*Kak Idah.*
- C : Kiah tak ada? *Kiah?*
- A : Yang merah tu.
- B : Siapa makan nasi tu?
- C : *Uda*, ha siapa sorang lagi.

Daripada data di atas, didapati bahawa, empat bentuk kata panggilan keluarga digunakan dalam perbualan yang melibatkan hubungan keluarga. Kata panggilan *long/ bang+long* dan *uda* merujuk kepada kata panggilan keluarga urutan tradisi, sementara kata panggilan *kak/kak+nama* merujuk kepada kata panggilan keluarga umum. Kelihatan juga dalam perbualan di atas, kata panggilan nama (*Kiah*) turut digunakan untuk memanggil seseorang dan kata panggilan kosong, iaitu tiada penanda panggilan yang digunakan untuk memanggil atau merujuk kepada seseorang dalam perbualan yang sedang berlangsung. Kepelbagaian bentuk kata panggilan ini mencerminkan bahawa masyarakat Melayu begitu prihatin terhadap penggunaan kata panggilan bagi menyerlahkan aspek kesopanan dan budi bahasa dalam diri mereka. Sungguhpun begitu, keempat-empat bentuk panggilan ini tidak digunakan sewenang-wenangnya tetapi berlandaskan konteks tertentu yang merujuk kepada siapa panggilan itu dirujuk yang meliputi jarak usia, dan jarak hubungan dengan si pemanggil.

### **Pemilihan Rujukan dan Kekaburan dalam Kata Panggilan Keluarga Urutan dalam Keluarga**

Kata panggilan urutan tradisi seperti *long*, *ngah* atau *usu* jelas menggambarkan hubungan kekeluargaan dalam sesebuah keluarga. Tambahan pula, bentuk panggilan ini memungkinkan diketahui rujukan seseorang itu sama ada anak yang tua, tengah atau bongsu. Hal ini jelas tergambar pada kata panggilan yang diterimanya. Misalnya *long*, menggambarkan anak yang sulung, *ngah* merujuk kepada anak yang tengah dan *su/usu* menggambarkan anak yang bongsu. Oleh itu, apabila seseorang menerima panggilan *long* maka diketahui bahawa dia anak yang tua/sulung dalam sesebuah keluarga. Panggilan *su* pula merujuk kepada anak yang paling kecil dalam sesebuah keluarga. Namun, bagi kata panggilan yang lain, seperti *tam*, *uda* atau *anjang*, agak sukar ditentukan kedudukan mereka dalam keluarga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kata panggilan didapati mereka bukan anak sulung dan sudah tentu anak yang bukan bongsu.

Hal ini demikian kerana urutan bagi kata panggilan ini berbagai-bagai, mengikut wewenang sesebuah keluarga. Bagi kata panggilan *tam*, *uda* atau *anjang*, sukar untuk dikaitkan dengan urutan giliran. Kata panggilan ini akan bergantung pada konteks sesuatu daerah penggunaannya. Misalnya *uda* menduduki tempat ketiga di selatan tanah air tetapi *alang* untuk orang ketiga di tempat lain. Dengan demikian pemahaman tentang *tam*, *uda* dan *Anjang* bergantung pada konteks setempat. Di sinilah pentingnya pragmatik.

Kata panggilan urutan tradisi seperti *long*, *ngah*, atau *usu* jelas menggambarkan urutan giliran dalam sesebuah keluarga. Namun demikian, dalam masyarakat moden, kata panggilan umum seperti *kak*, *abang* dan *adik* lebih menyerlah digunakan sebagai kata panggilan bagi adik-beradik. Penanda *kak/kakak* atau *bang/abang* menggambarkan anak yang lebih tua daripada anak yang lain, sementara bentuk panggilan adik menggambarkan anak yang paling kecil atau anak yang lebih muda daripada kakak atau abangnya. Menurut Nik Safiah Karim (1992), perhubungan antara adik-beradik ditentukan oleh faktor usia. Adik harus menghormati abang atau kakak, dan yang tua pula diharap sentiasa menjaga keselamatan dan kesejahteraan adiknya. Keeratan perhubungan dimanifestasikan melalui panggilan kekerabatan seperti *bang*, *kak*, *adik* dan sebagainya. Sekiranya kata *kak* atau *abang* digabungkan dengan kata panggilan urutan tradisi maka tidak timbul masalah dalam mengenal pasti kedudukan anak dalam keluarga seperti *kak+long* atau *bang+ long* sebagaimana contoh berikut:

## Data 2

- A : Ya ke, ambil, ambil. Yang merah.  
 B : Tak tahu, dia tak ada rumah *Bang Long*.  
 A : *Kak Long, Kak Long*.  
 B : Orang makan ringan-ringan.

Daripada contoh perbualan di atas, didapati bahawa *Bang Long* dan *Kak Long* merujuk kepada anak yang paling tua dalam keluarga. Namun demikian, jika digunakan kata panggilan *kak* atau *abang* sahaja / *kak+nama* atau *abang + nama* maka akan timbullah kesukaran untuk mengenal pasti kedudukan anak dalam satu keluarga khususnya bagi mereka yang datang dari luar keluarga tersebut. Dalam contoh perbualan di atas, dilihat bahawa kata panggilan *kak/abang* boleh digabungkan dengan kata panggilan urutan tradisi seperti *long*, *ngah*, *tam*, dan sebagainya. Namun demikian, kata panggilan adik tidak boleh digabungkan dengan kata panggilan urutan tradisi

seperti \**Adik Long* atau \**Adik Tam*. Hal ini demikian kerana panggilan adik itu sendiri telah menggambarkan dirinya yang paling kecil sedangkan kata panggilan urutan tradisi seperti *long* atau *tam* jika digunakan bersama-sama akan berlawanan dengan makna adik yang digunakan kerana bentuk *long* atau *tam* menggambarkan kedudukan anak yang lebih tua.

### Pengenalpastian Jantina Kata Panggilan Keluarga

Keupayaan mengenal pasti siapa yang menjadi rujukan juga ditentukan oleh jantina. Pengetahuan mengenai jantina orang yang dirujuk boleh ditunjukkan oleh kata *mak* atau *pak/ayah* sebelum urutan panggilan ataupun penanda jantina seperti *kak* atau *abang* boleh menunjukkan jantina orang yang dipanggil. Sebagai contoh, *Mak Long* atau *Pak/Ayah Long*. Kedua-dua kata panggilan keluarga ini menunjukkan bahawa *mak* + urutan kata panggilan dan *pak/ayah*+urutan kata panggilan masing-masing merujuk kepada jantina perempuan dan lelaki. Dengan demikian, dalam data berikut boleh dijelaskan bahawa orang yang dipanggil itu merujuk kepada perempuan atau lelaki.

#### Data 3

- A : *Mak Ngah*, potong kecil-kecil aje. Kang orang makan tak habis. Masukkan dalam bekas aje.  
C : Dalam mangkuk ...  
D : *Mak Ngah*, *Mak Ngah*, berapa hidang?  
E : Buat empat hidang.  
D : Takut tak cukup.

#### Data 4

- G : Mak, nak ikut *Mak Tam*, *Pak Tam*.  
H : Eh, kereta *Mak Tam* penuhlah.  
F : Sabar, jalan kang.  
F : Eh, *Pak Uda* belum pergi ni, tauke ni nampak. Faiz, Faiz naik kereta mak, *Pak Tam*.

Daripada contoh di atas, dapatlah dikenal pasti orang yang dirujuk itu lelaki atau perempuan melalui penanda jantina yang digunakan. Penanda jantina yang diletakkan sebelum urutan panggilan seperti *mak/pak/ayah* atau *bang/kak* tidak akan menimbulkan kekeliruan dengan orang yang dirujuk. Sebagai contoh, kata panggilan *Mak Long* memberitahu bahawa

yang dirujuk itu merupakan anak yang tua dan perempuan manakala *Pak Uda* memberitahu bahawa yang dipanggil itu anak yang muda dalam sesebuah keluarga dan seorang lelaki.

Seciranya penanda jantina tidak dinyatakan, maka kaburlah kata panggilan itu. Sebagai contoh dalam data di bawah.

### Data 5

- A : *Angah* mana?  
 B : Bang, air milo bang satu, ni, Amir nak.  
 A : Tu apa benda makan dekat gelas.  
 B : tanya orang-orang kat belakang ...  
 C : Tu Normah ya?  
 D : *Long*, mana?

Dalam data di atas, kata panggilan *angah* dan *long* sukar ditentukan jantinya oleh orang luar. Hal ini demikian kerana penanda jantina tidak dinyatakan. Dalam usaha menginterpretasikan ujaran di atas, terpaksa dilihat sendiri siapa yang dirujuk untuk mendapatkan kepastiannya. Bagi mereka yang tidak berada dalam konteks perbualan itu, tidak dapat dipastikan siapa yang menjadi rujukan si penutur. Maklumat yang diperoleh daripada kata panggilan *along* dan *angah* hanyalah maklumat tentang kedudukan mereka dalam keluarga tetapi maklumat mengenai jantina mereka tidak diketahui sehinggalah si pendengar melihat sendiri individu yang dipanggil *long* dan *angah* itu.

Walaupun bagaimanapun, keadaan kekeliruan ini boleh diatasi kerana kata panggilan biasanya menjadi identiti seseorang. Biasanya kata panggilan yang diterima telah menjadi sebatian dengan diri seseorang. Oleh itu, walaupun penanda jantina tidak dinyatakan, orang yang memanggil seseorang itu sudah tahu siapa rujukan orang itu sama ada lelaki atau perempuan dan orang yang mendengar itu juga sudah boleh menanggapi sama ada orang yang dipanggil itu lelaki atau perempuan.

Kata panggilan keluarga adik juga mendatangkan kekaburan kerana *adik* boleh digunakan sebagai kata panggilan keluarga bagi anak yang bongsu selain kata panggilan *usu/su*. Ada kalanya kata panggilan *adik* menggantikan kata panggilan *usu*. Namun tidak seperti *usu*, yang boleh dipastikan orang yang menerima kata panggilan itu sebagai anak yang bongsu tetapi kata panggilan *adik* sukar untuk diduga sama ada memang anak yang bongsu atau sekadar menerima kata *adik* sebagai gelaran biasa. Sebagai contoh:

## Data 6

1. A : Mak.  
B : Sana sikit.  
C : *Adik* nak dua.  
D : Tolong ambilkan dua, Nah.

Berdasarkan data di atas, didapati bahawa kata panggilan *adik* boleh mempunyai dua fungsi, iaitu *adik* sebagai kata panggilan keluarga bagi anak yang kecil atau bongsu dan *adik* yang berfungsi sebagai nama gelaran. Oleh sebab kata panggilan adik tidak menandakan kedudukan anak dalam keluarga seperti kata panggilan *usu/su* maka kedudukan mereka yang dipanggil *adik* adalah berbagai-bagai. Terdapat keluarga yang menggunakan kata panggilan *adik* untuk menandakan anaknya yang bongsu. Hal ini terjadi kerana kata panggilan *usu/su* telah digunakan sebelum ini (bagi anak pengapit bongsu) maka untuk membezakan anak pengapit bongsu dengan yang bongsu terpaksa *adik* digunakan. Malah terdapat juga kata panggilan *adik* yang digunakan untuk anak pengapit bongsu. Walaupun kata panggilan *adik* dimanifestasikan untuk menggambarkan hubungan adik beradik, namun kedudukan anak tersebut dalam keluarga sukar untuk diramalkan kecuali diketahui oleh ahli keluarga yang terdekat.

## Konteks dan Pengenalpastian Kata Panggilan Keluarga Melayu

Kata panggilan keluarga masyarakat Melayu khususnya merupakan sesuatu yang kompleks. Kita harus tahu bagaimana memanggil seseorang dengan kata panggilan yang betul kerana kata panggilan keluarga yang digunakan memberi label status usia dan jarak hubungan jauh dekat dengan seseorang itu dalam sebuah keluarga. Berasaskan amalan hormat dan perlakuan bersopan maka pertuturan masyarakat Melayu berlandaskan konsep tahu bahasa. Dalam perbualan yang melibatkan pelbagai lapisan, kata panggilan akan memainkan peranan berdasarkan siapa yang terlibat dalam perbualan itu. Penanda identiti seperti usia dan bentuk hubungan akan mewarnai bentuk panggilan yang digunakan. Pola penggunaan kata panggilan berubah-ubah mengikut situasi perbualan yang berlangsung. Pola penggunaan kata panggilan keluarga seperti pola kata panggilan urutan tradisi dan pola kata panggilan umum tidak digunakan sewenang-wenangnya. Penggunaan setiap pola di atas berlandaskan konteks dan situasi yang berlangsung ketika perbualan.

Mudah atau sukar sesuatu maklumat yang diperoleh daripada ujaran bergantung pada konteks yang dibekalkan dalam ujaran itu. Sesuatu kata

panggilan yang digunakan dalam ujaran dapat dikenal pasti berasaskan maklumat latar belakang yang telah ada pada pendengar dan juga melalui maklumat budaya dan amalan yang menjadi tabir kepada seseorang penutur dan pendengar ketika menggunakan atau memahami sesuatu kata panggilan. Dalam data ini, responden berupaya memproses sesuatu kata panggilan yang kabur berdasarkan, pertama, perbualan yang berlangsung dalam persekitaran hubungan kekeluargaan yang rapat dan kedua, penutur dan pendengar telah mengenal pasti identiti dan status individu yang terlibat dalam perbualan itu.

Untuk mengetahui rujukan yang tepat terhadap sesuatu kata panggilan yang digunakan maka seseorang mestilah mengetahui rujukan sebenar yang dihajati oleh penutur ketika dia sedang membuat ujarannya. Dengan kata lain, pengetahuan pragmatik yang melibatkan konteks secara tidak langsung membantu pendengar untuk mendapatkan makna rujukan yang tepat ketika penggunaan kata panggilan digunakan oleh penutur. Misalnya kata panggilan *along* atau *ngah*. Kata panggilan urutan tradisi ini kabur jika digunakan tanpa diketahui rujukannya. Hal ini demikian kerana pendengar tidak pasti yang dirujuk itu jantinya lelaki atau perempuan atau rujukan itu tua atau muda. Dengan berbekalkan konteks ujaran terdahulu atau selepas dan juga pengetahuan pendengar akan siapa yang dirujuk dapatlah si pendengar menentukan siapa yang dipanggil atau yang dirujuk oleh penutur.

Sekiranya yang terlibat dalam perbualan itu orang yang lebih tua dan mempunyai hubungan persaudaraan maka kata panggilan urutan tradisi menjadi pilihan. Dalam situasi yang melibatkan golongan muda sahaja, maka kata panggilan umum, kosong dan kata panggilan nama akan kerap digunakan berbanding dengan kata panggilan urutan tradisi. Dalam panggilan urutan tradisi dan panggilan umum, penanda jantina seperti Pak/Mak atau bang/kak memberikan ciri jantina kepada orang yang dipanggil. Sekiranya kata panggilan urutan tradisi dan kata panggilan umum seperti *long*, *ngah* dan *adik* digunakan maka sukarlah pendengar untuk mengenal pasti siapa yang dirujuk kerana bentuk ini tiada penanda jantina seperti *Pak/Mak* atau *bang/kak*. Namun dengan berbekalkan konteks iaitu ujaran sebelum atau ujaran selepas, dapatlah diketahui kata panggilan itu merujuk kepada siapa ketika itu. Sebagai contoh:

#### Data 7

A(1) : Besarkan sikit api tu *Mak Long*, ha..ah. *Mak Long*, kecil sangat *Mak Long*.

B : Macam mana besar lagi?

A(2) : “Bukak 2-2 ... itu tutup. Kalau *Along* bukak macam tu juga ...”  
*Along* buka semua sekali.

Perbualan di atas jelas menunjukkan bahawa kata panggilan *Along* yang digunakan dalam A (2) merujuk kepada orang yang sama, iaitu *Mak Long* sebagaimana dalam ujaran A(1). Walaupun penanda *mak* digugurkan dalam ujaran A (2) namun, dengan berbantuan konteks ujaran terdahulu, iaitu (A1) maka si pendengar tahu *along* yang dimaksudkan merupakan seorang perempuan walaupun penanda jantina tidak dinyatakan dalam ujaran A(2).

Selain itu, dalam sesuatu perbualan juga, jika kata panggilan digunakan tanpa penanda jantina seperti *long*, *ngah* dan *teh*, bolehlah diteka bahawa kedua-dua yang terlibat dalam perbualan itu mempunyai jarak umur yang tidak jauh beza atau dekat (seperti adik-beradik) atau ujaran itu datangnya daripada individu yang lebih tua daripada orang yang dirujuk (tua-muda). Contohnya dalam data berikut:

#### Data 8

A : Tam baik-baik ... belakang *kau* tu Tam. *Kau* nak masak apa?  
*Tam*..dah nak goreng dah.  
B : Banyak ke nak goreng pisang?

Daripada perbualan di atas, bolehlah dinyatakan bahawa penutur A dan B mempunyai jarak usia yang dekat kerana kata panggilan *tam* yang digunakan itu tidak mencerminkan peringkat usia tua-muda tetapi lebih kepada peringkat muda-muda. Tambahan pula, Si A menggunakan kata ganti nama diri kedua ‘kau’ (engkau) kepada B, iaitu satu bentuk kata ganti nama diri kasar yang tidak sesuai untuk digunakan dalam lingkungan muda-tua. Lazimnya seseorang yang lebih muda akan menggunakan penanda jantina seperti *pak/mak* + kata panggilan urutan tradisi apabila memanggil individu yang jauh lebih tua daripadanya atau individu yang mempunyai status hubungan persaudaraan yang rapat seperti anak saudara. Sebagai contoh;

#### Data 9

A : *Pak Utih*, Iwan main lecak.  
B : Biar dia.  
A : Iwan main lecak.

Daripada perbualan di atas, dapatlah diramalkan bahawa A lebih muda daripada B, maka wajar bagi si A menggunakan penanda jantina *pak* + pang-

gilan urutan tradisi (Utih). Tetapi jika individu itu jauh lebih tua daripada orang yang dipanggil, maka penanda jantina tidak/kurang kerap dinyatakan. Perhatikan contoh berikut:

### Data 10

A : Ma ... nak airlah ma

B(1) : Air apa? *Angah* bagi adik air kopi. Ambil cawan.

A : Mama ... nak mama, nak yang pecah. Ni kita punya.

B(2) : Tu..*Mak Uda* pun buat. *Mak Uda* kesat. *Uda* belakang sikit. Tu ha, *Mak Uda* dah kesat. Ha susu ... bagi *Acik*. *Acik* nak gi mana? Masukkan dalam ni.

Berasaskan data di atas, didapati bahawa apabila kata panggilan urutan tradisi digunakan tanpa penanda jantina maka ujaran itu datangnya daripada individu yang lebih tua daripada orang yang dipanggil. Misalnya, ujaran B(1), menunjukkan B jauh lebih tua daripada *angah*, *uda* dan *acik* (mungkin emak-anak). Tetapi apabila si B(2) menggunakan kata ganti diri ketiga dengan kata panggilan Mak Uda, B sebenarnya merujuk kepada panggilan mak saudara kepada *angah*, *uda* dan *acik*. Dalam situasi ini, B tidak akan merujuk Mak Uda dengan panggilan Uda sahaja kepada Angah, Uda(muda) dan Acik kerana panggilan sebegini tidak sopan dan tidak hormat kerana peringkat umur *angah*, *uda* dan *acik* yang jauh berbeza ditambah pula dengan hubungan persaudaraan yang dekat (anak saudara-mak saudara). B menggunakan kata panggilan *Mak Uda* sebagai satu cara untuk melatih dan mengajar anaknya tentang penggunaan kata panggilan yang betul kepada ibu saudaranya. Walaupun dia mungkin hampir sebaya dengan individu yang dirujuk. Melalui cara peneguhan begini, mudahlah anak ini mengingati dan menuruti apa yang diasuh kepadanya.

### KESIMPULAN

Jelaslah bahawa analisis pragmatik dapat menyelesaikan masalah kekaburan makna dan pemilihan rujukan yang sesuai dengan kata panggilan tersebut. Maklumat latar belakang yang menjadi konteks pemula boleh digabungkan dengan ujaran bagi membantu pendengar mentafsir makna yang sebenar. Maklumat bukan linguistik yang ditunjangi oleh ilmu pragmatik mampu menyelesaikan semua masalah kekaburan yang wujud. Pendengar dapat mengenal pasti bahawa yang dirujuk itu perempuan ataupun lelaki, sebaya atau berlainan generasi dan kedudukan seseorang dalam keluarga. Contoh



yang diberikan seperti penentuan jantina, antara generasi dan kedudukan individu itu sangat jelas dapat ditafsir, sama ada melalui perkataan yang digunakan dalam ujaran itu sendiri, visual dan maklumat yang telah sedia ada dalam pemikiran si pendengar.

## NOTA

- 1 Makalah ini ditulis bersama Maslida Yusof (2000) dalam Seminar Linguistik ASEAN yang diadakan di UKM.
- 2 Data ini dikutip di sekolah tadika. Kami lebih suka menggunakan data lapangan dan bukannya data ciptaan sendiri. Tujuannya untuk mendapatkan analisis yang lebih tepat.
- 3 Maklumat pragmatik akan terserlah apabila kita berjumpa dengan kekaburan makna dan masalah rujukan bagi ganti nama.
- 4 Bergantung pada dialek yang digunakan. Kedudukan dan nama berbeza mengikut keluarga.
- 5 Ini juga berbeza mengikut dialek. Contohnya di Kelantan dan Terengganu yang di situ penggunaan KPK adalah kurang dipraktikkan, kemungkinan penggunaan mak/pak adalah kepada mereka yang masih dalam lingkungan nombor 10 ke bawah.
- 6 Ini hanyalah cebisan daripada kajian keseluruhan mengenai KPK Melayu. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, sila rujuk Nor Hashimah *et. al.*; Sistem Panggilan Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi; 2001.
- 7 Pak Da atau Pak Uda.
- 8 Berhubung dengan nama panggilan kekeluargaan, terdapat empat bentuk kata panggilan yang melibatkan panggilan keluarga, iaitu kata panggilan keluarga urutan tradisi, kata panggilan keluarga umum, kata panggilan keluarga kosong dan kata panggilan keluarga nama. Dalam makalah ini, hanya kata panggilan keluarga tradisi dan umum yang akan dibincangkan.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2000. "Bahasa, pemikiran dan Survival Bangsa Melayu", dlm. *Kolokium Bahasa Pemikiran Melayu dan Indonesia 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alisjahbana, S. Takdir, 1974. *Language Planning for Modernization: The Case Of Indonesia and Malaysia*. The Hague: Mouton.
- Amat Juhari Moain, 1985. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu : Satu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown C.C., 1921. *Papers on Malay Subjects: Perak Malay*. Culcutta: The Baptist Mission Press.
- Mohd. Fazli Ibrahim, 1999. "Amerikanisasi dan Masa Depan Budaya Tempatan". *Dewan Budaya*, November: 54–55.

- Nik Safiah Karim, 1992. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. "Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans". *Jurnal Dewan Bahasa*. 42 (12): 1084–1093.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2001. "Masa dan Masyarakat Melayu". *Dewan Bahasa*, (42), 1084–1093.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Maslida Yusof, 2001. "Ganti Nama Melayu: Satu Definisi Semula", *Dewan Bahasa*, Bil. 1 Jil. 12, 15–21.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masitah Raja Ariffin, Saadiah Ma'alip, 2001. *Sistem Panggilan Melayu: Satu Dokumentasi, Penyelidikan A/4/2000*, Bangi: UKM.
- Noriah Muhammad, 2000. "Pemakaian Bahasa Melayu Sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur", dlm. *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu dan Indonesia 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumalee Nimmanupap, 1994. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Husin Ali, 1996. "Tamadun Berbahasa Menjelang 2020", dlm. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*". Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Teo Kok Seong, 1996. "Kesopanan Bahasa". *Pelita Bahasa*, Ogos: 40–43.
- Teo Kok Seong, 2001. "Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi". *Dewan Bahasa*, Januari: 12–19.

